

Ruj. MBK : Bil.(52)dlm.MBK/Y:D/T/5-138 JLD.4

Tarikh : 15 Julai 2026

SENARAI EDARAN / HEBAHAN

YH. Dato'/Tuan/Puan

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROSEDUR PROSES 4 DAN 5 IAITU PEMERIKSAAN AKHIR PERINGKAT I & II DAN PENDEPOSITAN CCC – BORANG F & BORANG G1-G21 DI DALAM SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE DAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN SISTEM I-CERT COMPLY UNTUK LAWATAN TAPAK BINA DAN PENILAIAN PEMATUHAN SYARAT TEKNIKAL

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan **Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.17/2026 pada 18 Mei 2026** telah bersetuju dan memutuskan pelaksanaan prosedur Proses 4 dan 5 iaitu Pemeriksaan Akhir Peringkat I & II Dan Pendepositan CCC – Borang F & Borang G1-G21 di dalam Sistem OSC 3.0 Plus Online dan Penggunaan Sistem I-Cert Comply Untuk Lawatan Tapak Bina Dan Penilaian Pematuhan Syarat Teknikal.
3. Secara ringkasnya, proses 4 dan Proses 5 merupakan tatacara wajib sebelum pendepositan CCC dikeluarkan oleh Perunding dan pelaksanaan sedia ada adalah secara manual. Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT telah memperkenalkan proses 3 hingga 6 secara online pada tahun 2022 dan diperluaskan secara menyeluruh prosedur Proses 5 dan 6 secara online bermula pada Jun 2026 sebagaimana ketetapan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT.
4. Bagi pelaksanaan penggunaan Sistem I-Cert Comply, iaitu merupakan sistem yang dibangunkan khusus untuk mempercepat, memudahkan dan menstrukturkan proses lawatan tapak pembinaan dan penilaian pematuhan syarat teknikal sebelum pengeluaran Certificate of Completion and Compliance (CCC) oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), khususnya Majlis Bandaraya Kuantan (MBK). Sistem ini bertujuan menggantikan kaedah konvensional yang bergantung kepada proses manual, penggunaan borang bercetak, serta komunikasi tidak tersusun antara pihak pemohon dan pegawai teknikal. Dengan menggunakan iCert Comply, proses lawatan tapak boleh diurus sepenuhnya secara digital. Antara perkara yang dilaksanakan ini adalah ulasan lawatan tapak untuk CCC secara online, pematuhan syarat oleh perunding secara online, dan data digital untuk maklumat GIS dan penyelenggaraan infrastruktur selepas CCC.

5. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan pautan tatacara penggunaan [https://osc3plus.kpkt.gov.my/manual/MP_Pemohon KPKT OSC3Online v2.0.pdf](https://osc3plus.kpkt.gov.my/manual/MP_Pemohon_KPKT_OSC3Online_v2.0.pdf) (Para 3.4 Manual Pengguna untuk Proses 5 & 6 Sistem OSC 3.0 Plus Online) dan Carta Alir proses menggunakan Sistem I-Cert Comply yang menerangkan aliran prosedur ini untuk rujukan pihak YH. Dato'/Tuan/Puan. Adalah diharapkan pelaksanaan prosedur ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin bagi memudahcara permohonan cadangan pemajuan di Daerah Kuantan. Sebarang pertanyaan pihak YH. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Bahagian Pusat Setempat (OSC) di talian 09-5121555/7012 atau emel ke osc@mbk.gov.my.

6. Segala perhatian dan kerjasama YH. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

'KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI, DIMP., AAP.)
Datuk Bandar Kuantan
Majlis Bandaraya Kuantan

Edaran Dalaman :

1. Fail Timbul

OSC/MBK/Soffi/Surat/PemaklumanProsedurCCC&ICertComply